

01 OCT 2001

BELIA 4B SOKONG KERAJAAN KENAKAN ISA KEPADA ANGGOTA KMM

MELAKA, 1 Okt (Bernama) -- Pergerakan Belia 4B Malaysia menyokong sepenuhnya langkah kerajaan mengenakan tindakan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) terhadap mana-mana individu yang didapati cuba mengganggu keamanan negara.

Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam yang juga Presiden Belia 4B berkata tindakan itu adalah bagi memastikan keamanan negara dan keselamatan rakyat terus terjamin.

Ketika menutup mesyuarat perwakilan tahunan kali ke-30 Gerakan Belia 4B negeri malam tadi, Mohd Ali yang juga Pengerusi Belia 4B Negeri berkata pertubuhan itu juga menyokong penuh saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya pemimpin dunia duduk bersama berbincang menangani masalah keganasan yang semakin meningkat.

Sementara itu, Mohd Ali berkata Belia 4B akan merancang satu program secara besar-besaran yang akan membabitkan semua anggotanya dalam usaha menceriaikan pergerakan itu.

Beliau berkata pemimpin pergerakan itu di semua peringkat perlu memastikan setiap program dijalankan secara berterusan dan bukan hanya meriah ketika dilancarkan sahaja.

-- BERNAMA
MYD SBS NMO